

♥16/01/19-27MST

U GB 16-01 00186 BC896

B A H

KENAIKAN INSURANS AKIBAT PERBUATAN BEBERAPA ORANG
Insurans

JITRA, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan beberapa syarikat mengenakan bayaran tambahan kepada harga premium insurans kenderaan, termasuk bagi kereta-baru, ialah akibat perbuatan beberapa orang yang +menyalahgunakan+ insurans.

+Ini berlaku kerana kesalahan beberapa, orang yang membuat tuntutan yang bukan-bukan. Jadi, kalau ada orang yang pandai hendak menipu (syarikat insurans), orang lain yang sakit,+ katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, adalah sukar bagi syarikat insurans mengesan siapa yang melakukan demikian dan akibatnya, syarikat insurans terpaksa mengutip wang daripada orang lain untuk membayar tuntutan orang yang +menyalahgunakan+ insurans itu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah akhbar hari ini mengenai tindakan beberapa syarikat insurans am mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan dan mengenakan bayaran tambahan bagi kebayakan kereta.

Tindakan syarikat-syarikat itu ialah berikutan berkuatkuasanya arahan Bank Negara 2 Jan lepas yang menghadkan bayaran tambahan bagi premium insurans kenderaan setakat 50 peratus sahaja daripada harga premium. -- Lagi.

♥16/01/19-56MST

CNS2059

U GB 16-01 00134 BC897

BAH

Insurans 2 Jitra

Sebelum peraturan itu dikuatkuasa Bank Negara, pemilik kenderaan yang berusia kurang lapan tahun atau mereka yang membeli polisi insurans komprehensif tidak dikenakan sebarang bayaran tambahan.

Ketika ditanya kemungkinan arahan berkenaan akan menyulitkan rakyat dan pembeli kereta, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Bila kita tukar satu-satu cara, memanglah ada masalah.+

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan mengkaji setiap masalah bagi mengatasi masalah berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Kerajaan Pusat bercadang untuk memberi seringgit bagi setiap ringgit yang dicarum petani kepada satu skim perlindungan yang dicadang akan ditubuhkan PPN Kedah bagi membantu petani yang ditimpa bencana alam.

PPN mempunyai cadangan untuk mewujudkan skim perlindungan atau tabung bencana alam itu sejak beberapa tahun lepas tetapi belum dapat melaksanakan kerana kekurangan peruntukan. -- Lagi.

♥16/01/20-02MST

CNS2061

U GB 16-01 00134 BC898

BAH

Insurans 3 Jitra

Datuk Seri Dr Mahathir berkata; penubuhan **skim** itu akan membolehkan pertubuhan peladang **memberi** sedikit bantuan kepada petani untuk menyiapkan **sawah** mereka yang musnah dalam sesuatu bencana **alam**.

Beliau **juga** berkata; PPN Kedah bercadang mendirikan sebuah hotel di **atas** sebidang **tanah** yang diberi kerajaan negeri.

Katanya, bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang **memberi** peruntukan kepada pertubuhan peladang **bagi** mendirikan hotel **tersebut** dan mengesyorkan mereka mengadakan usahasama dengan **badan-badan** yang dapat membiayai projek itu.

Mengenai pertemuan yang akan diadakan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, Perdana Menteri berkata: **+Itu** hak dia untuk **bertemu** dengan sesiapa pun. **+**

Katanya, beliau tidak tahu **apa** yang akan dibincangkan kedua-dua pemimpin **tersebut** dan **+itu** masalah dia. **+** -- **Lagi**.

♥16/01/20-04MST

CNS2063

U GB 16-01 00170 BC899

BAH

Insurans 4 (Akhir) Jitra

Ketika ditanya mengenai ura-ura pihak tertentu **untuk** **menubuhkan** Bank Peladang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, **apajuga** cadangan untuk menubuhkan bank tidak akan berjaya sekiranya masalah **dalam** **pengurusan** **tidak** dibetulkan.

Katanya, **pelbagai** cadangan untuk menubuhkan **pelbagai** **badan** **wujud** apabila timbul sesuatu masalah tetapi masalah yang sebenarnya ialah kelemahan rakyat Malaysia daripada segi pengurusan.

Terdahulu itu, ketika melancarkan **kempen** penambahan anggota dan saham Pertubuhan Peladang Negeri Kedah di **Dewan** Jitra di **sini**, beliau berkata, rancangan **menjadikan** Kedah sebagai wilayah pasangan **Oita** di Jepun, yang terkenal dengan kejayaannya menerusi program **+Satu** Kampung Satu **Keluaran+** tidak akan berjaya sekiranya rakyat tidak **bekerja** **kuat** dan mempunyai nilai-nilai **positif**.

Yang turut hadir **pada** majlis itu ialah **Menteri** Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Haji Mustaffar Jabar.

Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr **Siti** Hasmah Ali berlepas ke Langkawi petang ini untuk lawatan **sehari**. -- Bernama.

♥16/01/20-06MST